



# NEWSLETTER

Disediakan oleh:

**RUSNANI HUSSIN @ ISA**  
Timbalan Pengarah, BPE

## PERIKANAN

### Pengenalan

Mengambil kira situasi pandemik (COVID-19) yang memasuki tahap pembendungan akhir, kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia dengan hanya membenarkan perkhidmatan tertentu yang dikelaskan sebagai *essential services* beroperasi dalam tempoh tersebut.

Pelaksanaan PKP secara tidak langsung memberi kesan kepada aktiviti ekonomi aktiviti Perikanan & Akuakultur seperti penangkapan, pemungutan & pembiakan hidupan laut daripada lautan, pinggir pantai, perairan pedalaman, kuala atas dasar komersil dan proses pengeluaran yang melibatkan pengkulturan.

## IMPAK COVID-19 TERHADAP EKONOMI

Berdasarkan laporan Survei Khas Kesan Covid-19 kepada Ekonomi dan Individu (Pusingan 1) yang telah dilaksanakan secara atas talian oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tempoh 23 hingga 31 Mac 2020. Analisis yang dipaparkan adalah berdasarkan kepada responden yang menyertai Survei ini dan tidak mewakili pandangan seluruh rakyat Malaysia.

- Berdasarkan Survei Khas Kesan Covid-19 kepada Ekonomi dan Individu (Pusingan 1) didapati hanya 6.2 peratus responden kurang terkesan dari segi kewangan dalam menghadapi tempoh Perintah Kawalan Pergerakan manakala 52.6 peratus responden menyatakan sangat terkesan dalam tempoh ini.
- Antara negeri yang sangat terkesan dalam menghadapi tempoh PKP adalah Sabah (66.7%), diikuti oleh Kelantan (65.5%) dan Perlis (64.0%).
- Sektor Pertanian** dan Perkhidmatan didapati mencatatkan peratusan kehilangan pekerjaan yang lebih tinggi berbanding sektor lain, masing-masing **21.9 peratus** dan 15.0 peratus.
- Di kalangan sektor Pertanian, pekerja di **sub sektor perikanan** dan pertanian & perladangan masing-masing **kehilangan pekerjaan sebanyak 33.0 peratus** dan 21.1 peratus.

### Key point Subsektor Perikanan daripada dapatan Survei Khas ini:

- kehilangan pekerjaan sebanyak 33.0 peratus.
- jumlah jam bekerja berkurangan sebanyak 33.0 peratus.
- cuti tanpa gaji sebanyak 8.7 peratus
- mengalami pengurangan pendapatan bulanan sebanyak 79.1 peratus
- penerimaan pengurangan pendapatan
  - ❖ perubahan pendapatan 10 peratus sebanyak 23.5 peratus
  - ❖ perubahan pendapatan 10 peratus hingga 49 peratus sebanyak 28.4 peratus
  - ❖ perubahan pendapatan 50 peratus hingga 89 peratus sebanyak 23.5 peratus
  - ❖ perubahan pendapatan 90 peratus dan lebih sebanyak 24.7 peratus


Sumber: laporan Survei Khas Kesan Covid-19 kepada Ekonomi dan Individu (Pusingan 1)

1



# Penawaran dan Penggunaan 2015

Paparan 1 : Struktur Penawaran dan Penggunaan Subsektor Perikanan, Malaysia, 2015




Sumber: Jadual Input-Output Malaysia, 2015

- Penawaran merekodkan pengeluaran domestik dan transaksi import dalam ekonomi. Penawaran subsektor perikanan adalah sebanyak RM18.8b pada tahun 2015.
- Jumlah penawaran yang terdiri daripada pengeluaran domestik sebanyak 77.3 peratus dan import 20.6 peratus.
- Penilaian yang merangkumi margin perdagangan & pengangkutan, cukai tolak subsidi ke atas produk sebanyak 17.9 peratus,

- Penggunaan terdiri daripada penggunaan perantara dan penggunaan akhir. Komponen Penggunaan akhir adalah Penggunaan Swasta, Penggunaan Kerajaan, Pembentukan Modal Tetap Kasar, Perubahan Inventori dan Ekspert.
- Penggunaan perantara subsektor perikanan menyumbang 36.3 peratus manakala penggunaan akhir domestik mencatatkan 61.3 peratus dan ekspert sebanyak 2.4 peratus.

## ANALISIS INPUT - OUTPUT

Paparan 2 : Pengganda Nilai ditambah aktiviti Pertanian, 2010 dan 2015




- Subsektor Perikanan & Akuakultur mencatatkan Pengganda nilai ditambah tertinggi dengan nilai 0.94. Ini bermaksud peningkatan RM1 permintaan akhir bagi subsektor Perikanan & Akuakultur menyumbang sebanyak RM0.94 nilai ditambah dalam ekonomi.
- Subsektor pertanian mencatatkan rangkaian hadapan dan kebelakang melebihi 1.0 bagi tahun 2010 dan 2015. Ini menunjukkan subsektor Perikanan & Akuakultur terdapat kesalinghubungan antara input pembekal dalam ekonomi dan kesalingbergantungan antara subsektor ini kepada sektor lain yang terlibat dalam penjualan output.

# PERANGKAAAN UTAMA SUBSEKTOR PERIKANAN, 2017


Paparan 3: Perangkaan Utama Subsektor Perikanan, 2015 dan 2017

- Nilai output kasar meningkat 3.9 peratus setahun daripada RM2,226.0 juta pada 2015 kepada RM2,405.0 juta pada 2017.
- Nilai ditambah turut meningkat 6.0 peratus setahun daripada RM747.6 juta kepada RM839.8 juta dalam tempoh yang sama.
- Jumlah pekerja meningkat kepada 15,913 orang berbanding 15,690 orang pada tahun 2015 dengan pertumbuhan tahunan 0.7 peratus.
- Gaji & upah yang dibayar mencatatkan peningkatan kepada RM328.9 juta daripada RM315.0 juta pada tahun 2015 dengan pertumbuhan tahunan 2.2 peratus. Seperti di Paparan 3.



- Pada 2015. Kumpulan industri akuakultur laut merupakan penyumbang terbesar nilai output kasar sebanyak RM1,295.1 juta dengan sumbangan 53.8 peratus. Ini diikuti perikanan laut (RM714.3 juta) dan akuakultur air tawar (RM386.1 juta).
- Kumpulan industri akuakultur laut merekodkan nilai ditambah tertinggi pada tahun 2017 sebanyak RM404.5 juta (48.2%) daripada keseluruhan nilai ditambah. Seterusnya diikuti oleh perikanan laut (31.3%) dan akuakultur air tawar (20.4%). Seperti di Paparan 4.

Paparan 4: Sumbangan Output Kasar dan Nilai Ditambah mengikut Kumpulan Industri, 2017




Sumber: Statistik Ekonomi Tahunan, Sektor Pertanian, 2017

Legend: Output Nilai ditambah

3

# PENGELUARAN IKAN DUNIA, 2015

Paparan 5: Pengeluaran Tangkapan Ikan Dunia 2017 bagi 15 Negara Terbesar ('000 tan metrik)



- Pengeluar tangkapan ikan terbesar dunia pada 2017 adalah China iaitu 15,298.0 ribu tan metrik diikuti Indonesia (6,579.3 ribu tan metrik) dan India (5,355.9 ribu tan metrik).
- Pengeluaran tangkapan ikan Malaysia berjumlah 1,435.8 ribu tan metrik dan berada di kedudukan ke -15 terbesar dunia.

Sumber: FAOSTAT



Paparan 6: Pengeluaran Akuakultur, Dunia, 2017 bagi 10 Negara Terbesar ('000 tan metrik)

Negara	Pengeluaran ('000 tan metrik)	Kedudukan
China	46,446.3	1
India	6,179.0	2
Indonesia	4,875.4	3
Vietnam	3,819.6	4
Bangladesh	2,333.4	5
Egypt	1,451.8	6
Myanmar	1,048.2	7
Thailand	872.7	8
Brazil	593.0	9
Japan	565.8	10
''	....	....
Malaysia	194.2	22

- China mencatatkan pengeluaran akuakultur terbesar dunia pada tahun 2017 berjumlah 46,446 ribu tan metrik dan diikuti oleh India (6,179.0 ribu tan metrik) dan Indonesia (4,875.4 ribu tan metrik).
- Malaysia berada di kedudukan ke-22 terbesar dunia dengan jumlah 194.2 ribu tan metrik.
- Pengeluaran ini menyumbang sebanyak 22.6 peratus daripada pengeluaran ikan di Malaysia.
- Pengeluaran akuakultur terbesar Malaysia adalah akuakultur air payau/masin iaitu sebanyak 76.0 peratus

Sumber : FAOSTAT

## Paparan 7: Pendaratan Ikan Laut dan Pengeluaran Akuakultur bagi Malaysia, 2014-2018




Sumber: Jabatan Perikanan Malaysia


- Pengeluaran ikan Malaysia pada tahun 2018 sebanyak 1,874 ribu tan metrik.
- Sebanyak 78.8 peratus disumbangkan oleh pengeluaran dari pendaratan ikan laut dan 21.2 peratus daripada pengeluaran akuakultur.
- Pengeluaran ini menunjukkan penurunan pertumbuhan purata tahunan sebanyak 1.1 peratus dalam tempoh 2014 hingga 2018.
- Penurunan ini disebabkan oleh pengurangan pengeluaran akuakultur air payau/masin sebanyak 6.8 peratus
- Walaubagaimanapun pendaratan ikan laut merekodkan peningkatan pertumbuhan purata tahunan sebanyak 0.3 peratus.

- Perak merupakan pengeluar tangkapan ikan terbesar Malaysia bagi tahun 2014 hingga 2018, dengan sumbangan melebihi 20.0 peratus daripada keseluruhan tangkapan ikan Malaysia.
- Sabah merupakan pengeluaran akuakultur terbesar Malaysia bagi tahun 2014 hingga 2018, menyumbang lebih 50.0 peratus daripada keseluruhan pengeluaran Malaysia.

## Paparan 8: Pendaratan ikan laut dan Pengeluaran Akuakultur bagi 5 Negeri terbesar 2014-2018



Sumber: Jabatan Perikanan Malaysia



Nota: Sabah termasuk Labuan

**PENAFIAN:** Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.